

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

UTHM/PB/100-6/4/1( 2 )

Tarikh: 14 Februari 2007

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 / 2007**

Semua Pengurus Bahagian  
***Universiti Tun Hussein Onn Malaysia***

Y. Bhg. Dato' / Prof/Tuan/Puan,

**SKIM PEMBIAYAAN PERIBADI UNTUK MANGSA BANJIR STAF UNIVERSITI TUN  
HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan skim pembiayaan peribadi kepada mangsa-mangsa banjir staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Pada akhir bulan Disember 2006 dan kemudiannya pada pertengahan bulan Januari 2007 hingga awal Februari, hampir keseluruhan daerah di negeri Johor telah dilanda banjir besar terutama penduduk-penduduk di sekitar kawasan Batu Pahat umumnya dan UTHM khususnya. Ianya telah mengakibatkan kerugian besar samada peralatan rumah, kerosakan rumah, jalan raya, hasil-hasil tanaman dan lain-lain.
- 2.2 Surat Pekeliling ini dibuat selepas mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Universiti Bil. 1/2007 pada 7 Februari 2007.

**3.0 KAEDAH PERLAKSANAAN**

- 3.1 Permohonan hanya akan diberikan kepada staf tetap UTHM sahaja.

- 3.2 Jumlah pembiayaan maksimum yang boleh diberi ialah sebanyak RM 5,000.00 dan bayaran balik perlu dibuat secara ansuran setiap bulan dalam tempoh tidak melebihi empat puluh lapan bulan (48 bulan) melalui potongan gaji tanpa dikenakan sebarang bayaran perkhidmatan.
- 3.3 Pembiayaan hanya akan diberikan bagi membeli peralatan yang rosak dan tidak boleh digunakan atau membaiki rumah yang rosak akibat banjir serta memerlukan kos yang tinggi untuk membelinya atau untuk membaikinya.
- 3.4 Pembiayaan hanya akan diberikan kepada seorang staf sahaja sekiranya terdapat suami dan isteri bekerja di UTHM.
- 3.5 Pembiayaan dan kelulusan skim ini juga dibuat sekali sahaja untuk staf yang membuat permohonan yang diuruskan oleh Pejabat Bendahari (Unit Gaji & Pinjaman) .
- 3.6 Semua kelulusan akan dinilai terlebih dahulu oleh satu jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan bagi menyiasat setiap permohonan yang dibuat. Jawatankuasa ini akan membuat lawatan ke tapak rumah yang rosak atau melihat sendiri keadaan peralatan yang rosak.
- 3.7 Setiap permohonan akan diluluskan oleh **Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni)** selepas Jawatankuasa ini membuat laporan bertulis.
- 3.8 Setiap permohonan yang telah diluluskan akan dimeterai melalui satu perjanjian bertulis antara pihak Universiti dengan pihak yang mendapat pembiayaan tersebut dan setiap perjanjian perlu dimatikan setem di muka hadapan dan bahagian penjamin.
- 3.9 Semua pembiayaan skim ini akan dilindungi oleh Syarikat Takaful (M) Berhad di bawah Pelan Takaful Keluarga Berkelompok – Kredit sekiranya berlaku kematian dan keilangan kekal kepada staf yang mendapat pembiayaan tersebut.

3.10 Syarat-syarat lain bagi pembiayaan tersebut adalah seperti berikut:-

- 3.10.1 Borang pembiayaan peribadi mangsa banjir hendaklah diisi dalam 3 salinan.
- 3.10.2 Staf dikehendaki mengepilkkan surat pengesahan jawatan atau surat tawaran jawatan bagi mereka yang belum disahkan ke jawatan tetap bersama-sama borang permohonan.
- 3.10.3 Staf juga dikehendaki mengepilkkan slip gaji akhir, salinan gambar peralatan atau rumah yang rosak akibat banjir.
- 3.10.4 Jumlah ansuran potongan bulanan pembiayaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok staf dan jumlah semua potongan termasuk potongan skim ini mestilah tidak melebihi 60% dari jumlah gaji pokok serta elaun-elaun staf.
- 3.10.5 Pembiayaan hendaklah dijamin oleh seorang staf tetap UTHM yang telah disahkan jawatannya.

#### 4.0 KUATKUASA PEKELILING

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
☎ 7050

- s.k
- Yg. Bhg. Naib Canselor
  - Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)
  - Ketua Unit Audit Dalam
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**